

# FKI bantu pelajar kurang mampu

OLEH JAINUDIN DJIMIN

[jainuddin@newsabahtimes.com.my](mailto:jainuddin@newsabahtimes.com.my)

**LABUAN:** Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Universiti Malaysia Sabah Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melancarkan Projek "Suspended Meals" yang antara lain bertujuan untuk membantu pelajar universiti itu yang kurang berkemampuan.

Projek yang turut mendapat kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMSKAL itu telah dirasmikan pelancarannya oleh Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Haji Halik bertempat di kafetaria, UMSKAL, pada Rabu.

Hadir sama, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim; Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar, Mas Adi Alimin dan Penyelaras Program, Nona Masnie Haji Mohd Nistah; serta Tim-

balan Dekan (Akademik dan HEP) FKI, Ryan Mcdonell Andrias.

Menurut Dr Ag Asri, objektif utama projek ini diadakan adalah untuk membantu pelajar UMSKAL yang kekurangan wang untuk membeli makanan.

Selain itu, untuk memupuk perasaan saling bertimbang rasa, bantu-membantu dan prihatin dalam kalangan pelajar UMSKAL.

Suspended Meal adalah makanan percuma untuk insan yang memerlukan.

"Mereka yang ingin membantu, boleh membeli kupon dan melekatkannya di papan yang disediakan di kafeteria manakala kepada yang memerlukan boleh mengambil kupon tersebut dan menuntut makanan di gerai," katanya.

Dr Ag Asri berkata setiap kupon terdapat harga dan jenis makanan dan di belakangnya ada nombor kupon dan nama gerai.

Pelajar yang ingin menuntut makanan hen-



**SIMBOLIK ....** Dr Murnizam (dua kiri) dan Dr Ag Asri (dua kanan) melancarkan Suspended Meals Project di Kafetaria UMSKAL.

daklah melihat nama gerai di belakang kupon tersebut kerana terdapat beberapa gerai makanan yang terlibat dalam projek ini.

Sebanyak lima gerai yang terlibat dalam melaksanakan projek ini iaitu Sri Wahyu, Gerai Wawli, Selera Kampung, Resepi Ibonda dan BB Smile Always.

Pihak pengangur berharap projek ini dapat membantu meringankan bebanan pelajar dan akan berterusan.

Staf UMSKAL sangat menyokong "Suspended Meals Project" selain kerjasama yang baik daripada pihak kafeteria.

Sementara itu, menurut Mohd Shahrolnizam Mohd Yazam, pemilik gerai Sri Wahyu, beliau sangat menyokong projek ini kerana dapat membantu pelajar yang memerlukan.

"Di samping itu, projek ini juga dapat dijadikan sebagai amal jariah kepada pelajar UMSKAL," katanya.